Penang GLOBAL TOURISM (State Tourism Bureau)

Ruj kami : PGT-2020/091/OCY/ms

25 Mac 2020

YB Tuan Yeoh Soon Hin
Pengerusi Jawatankuasa MMK Pelancongan, Seni,
Budaya dan Warisan
Tingkat 52, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

YB,

**MENGKAJI SEMULA BAJET AKTIVITI PEMASARAN DAN KOMUNIKASI TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sepertimana yang YB telah sedia maklum, selaras dengan kempen Visit Malaysia 2020, PGT telahpun merancang dan mengadakan kempen "Experience Penang 2020" dalam bentuk pemasaran dan publisiti yang berbeza untuk meningkatkan penjenamaan serta peningkatan jumlah pengunjung ke Pulau Pinang. Untuk makluman YB, bajet tambahan sebanyak RM8,23 juta bagi kempen tersebut telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah semasa mesyuarat Lembaga Pengarah Khas pada 19 Sep 2019 dengan menggunakan cukai pelancongan.

3. Jadual berikut menunjukkan status projek yang telah dirancang dan dilaksanakan, tetapi pembayaran masih belum dijelaskan sebab PGT belum menerima sebarang cukai pelancongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang:

| | | Lokasi | Tarikh Bermula | Jumlah (RM) | Status |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Pemasaran** | | | | |
| 1. | Online Travel Agents/Wholesales Campaigns | Malaysia, Southeast Asia, USA, Middle East | Ditunda | 300,000 | Projek ditunda disebabkan Covid-19, akan dilaksanakan sebagai pelan pemulihan |
| 2a. | Experience Penang 2020 Roadshows | Kuala Lumpur | Mac 2020 | 180,000 | Project telah dilaksanakan |
| 2b. | Matta Fair KL | | Mei 2020 | 220,000 | Telah komit |
| 3 | Airlines Campaigns (e.g. Singapoe Airlines, Qatar Airways & AirAsia) | Europe, Oceania and Southeast Asia | Ditunda | 500,000 | Projek ditunda disebabkan Covid-19, akan dilaksanakan sebagai pelan pemulihan |
| 4a. | Flight Incentives -Juneyao Airlines | Shanghai, China | Ditunda | 1,100,000 | Pernerbangan sulung ditunda sehingga notis selanjutnya |
| 4b. | Flight Incentives - AirAsia (Chengdu) | Chengdu, China | Akan dilaksankan | 1,200,000 | Telah komit. Projek akan diteruskan sebagai pelan pemulihan |
| 4c. | Other | Japan & Korea & etc) | Ditunda | 2,000,000 | Projek ditunda disebabkan Covid-19, akan dilaksanakan sebagai pelan pemulihan |

**MENGKAJI SEMULA BAJET AKTIVITI PEMASARAN DAN KOMUNIKASI TAHUN 2020**

| | | Lokasi | Tarikh Bermula | Jumlah (RM) | Status |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Komunikasi** | | | | |
| 1. | Inflight Magazine Gateway (12 bulan) | China | Jan 2020 – Feb 2021 | 1,450,000 | Telah komit. Kontrak ditandatangani. Projek ditunda disebabkan Covid-19, akan dilaksanakan sebagai pelan pemulihan |
| 2. | Travellator in Dhoby Ghuat MRT Station (2 bulan) | Singapura | 16 Dis 2019 - 9 Feb 2020 | 560,000 | Projek telah dilaksanakan |
| 3. | Out-of-Home Advertising (6 bulan) | Taiwan | Dis 2019 - Jun 2020 | 450,000 | Projek telah dilaksanakan |
| 4. | Covered Walkways (12 bulan) | Kuala Lumpur | Dis 2019 - Nov 2020 | 270,000 | Projek telah dilaksanakan |
| | **Jumlah Besar** | | | **8,230,000** | |

Jumlah projek/kempen telah dilaksanakan ialah RM1,460,000
Jumlah projek/kempen telah dikomit ialah RM2,870,000
JUmlah projek/kempen telah ditunda ialah RM 3,900,000

Jumlah perbelanjaan diatas adalah secara anggaran disebabkan turun naik mata wang yang tidak dapat diramalkan.

4. Memandangkan situasi semasa ancaman wabak Covid-19, kempen/projek yang ditunda akan dirancang semula dan dilaksanakan sebagai pelan/strategi pemulihan pelancongan untuk membina keyakinan kepada para pelancong dan pemain industri. Pelan/strategi dirancang adalah berdasarkan kepada surat daripada YB bertarikh 11 Feb 2020 (Rujukan : PSUKPP.MMK10.700/002.JKD 2(49) JS).

5. Bajet yang dikaji dan kempen/projek pemulihan pelancongan akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengaarah pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih,

**OOI CHOK YAN**
Ketua Pegawai Esekutif
Penang Global Tourism Sdn Bhd